

AJARAN ILMU SYAHADAH ZIKIR NAFAS DIFATWAKAN MENYELEWENG



PENDAHULUAN

Ajarn Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) merupakan salah satu daripada ajaran sesat yang aktif di negeri Selangor. Ajaran yang dibawa oleh Ismail Bin Kassim atau lebih dikenali dalam kalangan ahli kumpulan ajaran ini dengan panggilan Syeikh, telah diwartakan di Negeri Selangor pada 11 Oktober 2018 sebagai ajaran yang menyeleweng dan bertentangan daripada ajaran Islam yang sebenar berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Terdahulu, pada Oktober 2016 Ismail Bin Kassim dan pertubuhannya telah ditupsukan sebagai menyeleweng daripada Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah oleh Muzakkah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwai Umgama Islam Malaysia.

CIRI-CIRI ILMU SYAHADAH DAN ZIKIR NAFAS

Kemunculan ajaran yang dibawa oleh Ismail Bin Kassim dan PERAHMAT muil di kesan pada tahun 2013. Kumpulan ini banyak membuat naik video-video rakaman program pengajaran di laman youtube, menerbitkan buku serta giat mengadakan program-program berkaitan ajaran yang dibawa.

Semua pengajaran dan doktrin yang dibawa oleh Perahmat disampaikan oleh Ismail Bin Kassim yang juga merupakan penulis pertubuhannya. Intipati kepada ajaran yang dibawa adalah berkaitan rukun Islam yang pertama iaitu kalmah syahadah. Namun versi yang dibawa adalah bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Antara ciri ajaran Ilmu Syahadah dan Zikir Nafas yang yang dibawa adalah seperti berikut:

- i** Terbatal Kesemuanya Rukun Islam Sekiranya Tidak Mempelajari Ilmu Syahadah Yang Dibawa Oleh Ismail bin Kassim (IBK)

Rukun Islam yang pertama, iaitu mengucapnya duakalimah Syahadah bagi seseorang itu terbatal sekiranya dia tidak mempelajari Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian) yang dibawa oleh Ismail bin Kassim. Ilmu Syahadah yang dimakludkan ialah ilmu penyaksian roh yang sedang bersyahadah.

- ii** Wajib Mempelajari Zikir Nafas Kerana Tiada Cara Lain Untuk Mencari Allah Kecuali Melalui Nafas

Sesorang itu wajib mempelajari Zikir Nafas kerana tiada cara lain untuk mencari Allah kecuali melalui nafas. Mencari Allah SWT melibatkan peranan yang dimainkan oleh qalbu. Anggota pencandaiera manusia yang lain, seperti mata dan telinga, peranannya terhad kepada alam zahir sahaja, berbeza dengan qalbu yang mempunyai peranan ghaib.

Hanya dengan amalan Zikir Nafas boleh membuka mata hati qalbu. Oleh yang demikian, apabila mata hati qalbu seseorang telah terbuka, maka dia akan dapat melihat penyaksian roh dan perkara-perkara ghaib yang lain dengan berterusan secara autopilot. Manakala untuk mengambil ilmu Zikir Nafas pula, hendaklah melalui guru yang berketurunan Ahli Boit (keturunan Rasulullah) sahaja.

Kaedah Penafsiran al-Quran (Usul Tafsir) Yang Menyeleweng

Atyat-atyat al-Quran tidak boleh difahami semata-mata dengan membaca terjemahan, kitab-kitab tafsir, mahupun asbab al-Nuzul, bahkan hanya boleh difahami dengan Ilmu al-Quran (Ilmu Takhwil, Ilmu al-Furqan, Ilmu Ma'na, Ilmu Maqsid, Ilmu Hikmah, Ilmu Makrifat, Ilmu Hikmat, Ilmu Asrar, Ilmu Ghair dan Ilmu Yaqin).

Ghuluw (Melampau) Dan Menghornghormati Guru

Peraturan yang wajib dipatuhi oleh murid kepada Ismail bin Kassim selaku guru atau sheikh adalah seperti yang berikut:

- a) Sesiaapa yang hendak berselamatan dengan guru, wajib mengambil wuduk terlebih dahulu kerana guru dianggap membawa al-Quran yang hidup;
- b) Setiap murid berkeadaan yakin bahwa guru dapat mengesan ketakutan murid, atas izin Allah SWT;
- c) Setiap murid jangan menderhaka kepada guru atas amanah-amanhahnya;
- d) Setiap murid jangan ada sangkaan bahawa guru tidak mengetahui kelakuan dan perbuatan mereka;
- e) Setiap murid jangan meragui atau membantah di hadapan guru atau di belakangnya kerana guru hanya mengajar ilmu kalmah la ilaha illah;
- f) Setiap murid jangan sekali-kali melanggar panduan di atas, kelak akan terjerumus ke dalam kecelakaan dan kebinasan.

Kesimpulan

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 31 Januari 2017 memutuskan bahawa Ilmu Syahadah (Ilmu Penyaksian), Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedua-duanya yang diajar oleh Ismail bin Kassim dari Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) dan seumpamanya adalah menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam berdasarkan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah. Keputusan Jawatankuasa Fatwa ini juga telah diwartakan di Negeri Selangor dan mengiktik semua orang Islam yang berada di Negeri Selangor menurut subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Justeru, orang Islam khususnya di Negeri Selangor hendaklah menjauhi ajaran ini dan dilarang berpegang serta beramal dengannya. Mana-mana orang Islam yang telah mengamalkan fahaman dan ajaran ini hendaklah segera bertubaut kepada Allah SWT. Semua bentuk pengajaran, penerbitan dan pengedaran bahan-bahan ajaran tersebut melalui apa jua medium hendaklah disekat, dihenti dan diharapkan serta-merta.

Berdasarkan peruntuk undang-undang di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 Seksyen 12. Menghina piyah berkuasa agama. Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah atau mengingkar, melanggar atau mempertikalkan perintah atau arahan Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan opabila disabitkan boleh didenda atau dipenjarakan atau kebinasan sekali.

Umat Islam di Malaysia khususnya di Negeri Selangor, perlu sentiasa peka serta menjauhkan diri dari sebarang bentuk ajaran dan fahaman yang meragukan. Segera lapor aktiviti yang meragukan kepada Pihak Berkubasa Agama bagi memelihara maqasid syariah yang pertama iaitu menjaga agama. Jalankan tanggungjawab kita sebagai umat Islam dalam memerangi ajaran sesat,meragukan. Segera lapor aktiviti yang meragukan kepada Pihak Berkubasa Agama bagi memelihara maqasid syariah yang pertama iaitu menjaga agama. Jalankan tanggungjawab kita sebagai umat Islam dalam memerangi ajaran sesat.

